

 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK <small>BERJAYA BERSEMANGAT BERBAGI</small>	FESTIVAL KESENIAN ISLAM 2025 (EDISI KE-3) FORMAT PERTANDINGAN SYARAHAN AGAMA	
---	---	--

1. KATEGORI PERTANDINGAN

- i. Pertandingan ini dibahagikan kepada satu (1) kategori iaitu:
 - a) **Kategori Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional (Lelaki & Perempuan)**

2. SYARAT PERTANDINGAN

- i. Pertandingan ini terbuka kepada mana-mana pelajar Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional (Lelaki & Perempuan).
- ii. Yuran penyertaan dikenakan adalah sebanyak **RM20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja)** bagi setiap peserta.
- iii. Jumlah penyertaan bagi setiap Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional adalah terbuka dan tiada had. Setiap institusi boleh menghantar lebih daripada seorang peserta. Walau bagaimanapun, jumlah penyertaan yang dibuka hanya untuk **dua puluh lima (25) penyertaan terawal** sahaja.
- iv. Penyertaan juga boleh disertai oleh pelajar daripada berbagai kaum.
- v. Segala perbelanjaan yang meliputi kos perjalanan, makan minum, latihan, dan lain-lain yang berkaitan termasuk pakaian dan sebagainya adalah di bawah tanggungan institusi masing-masing.
- vi. Rakaman video dan/atau audio oleh pihak penganjur adalah menjadi hak milik penganjur.
- vii. Pakaian peserta hendaklah sopan dan menutup aurat sesuai dengan nilai-nilai Islam.
- viii. Tema adalah berteraskan **“Kesenian Islam Pencetus Kemakmuran Ummah”**.

3. TAJUK SYARAHAN AGAMA

- i. Antara tajuk yang akan diberikan kepada peserta ialah:
 - a) Penghayatan Al-Quran menjana kekuatan ummah
 - b) Taubat membentuk insan cemerlang
 - c) Hari pembalasan membentuk insan cemerlang
 - d) Doa kunci kejayaan
 - e) Zikrullah banteng kemungkaran
 - f) Sedekah pencetus kesejahteraan ummah
 - g) Maruah dijaga ummah terpelihara
 - h) Berjimat cermat amalan mulia
 - i) Ikhlas membentuk jati diri unggul
 - j) Sirah Rasulullah membentuk kekuatan jati diri
 - k) Semangat jihad memacu kekuatan ummah
 - l) Ilmu menjana umat cemerlang
 - m) Pendidikan berterusan menjana kecemerlang
- ii. Skop tajuk syarahan berdasarkan kepada:
 - a) Sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 hingga 5, Kementerian Pendidikan Malaysia mencakupi bidang Aqidah, Ibadah, Sirah/Tamadun serta Adab/Akhhlak.
 - b) Isu-isu semasa yang berkaitan dengan kehidupan pelajar.
 - c) Tajuk-tajuk syarahan agama bagi peserta lelaki & perempuan adalah sama.

4. PENGUNDIAN

- i. Pengundian giliran peserta dilaksanakan pada hari pendaftaran dilakukan.
- ii. Cabutan undi giliran hendaklah dilakukan oleh Ketua Kontinjen atau wakil.
- iii. Sekiranya Ketua Kontinjen atau wakil tidak hadir, pengundian akan dilakukan oleh urus setia pertandingan.
- iv. Pengundian tajuk syarahan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) minggu

- sebelum tarikh pertandingan. Pihak urus setia akan menghubungi peserta yang bertanding untuk memberikan tatacara pengundian tajuk kelak.
- v. Giliran dan tajuk yang diperolehi oleh peserta tidak boleh ditukar dengan peserta lain.

5. MASA SYARAHAN

- i. Masa yang ditetapkan bagi setiap peserta adalah 7 minit.
- ii. Isi syarahan yang disampaikan selepas 7 minit tidak akan diberi markah.
- iii. Masa untuk menyampaikan syarahan akan dikira apabila syarahan bermula.
- iv. Loceng pertama akan dibunyikan untuk menandakan masa syarahan berbaki 1 minit (Loceng dibunyikan sekali sahaja).
- v. Loceng kedua menandakan tempoh syarahan telah tamat (loceng dibunyikan 2 kali)

6. PEMBATALAN PENYERTAAN

- i. Peserta yang menangguhkan giliran atau gagal hadir mengikut giliran undian akan dibatalkan penyertaan.
- ii. Peserta boleh diberhentikan serta-merta oleh Ketua Hakim jika menyentuh isu-isu sensitif seperti serangan peribadi, perkauman serta politik dalam negara yang berunsurkan hasutan.
- iii. Peserta tidak dibenarkan membawa apa-apa kertas catatan luar kecuali kertas yang disediakan sahaja.
- iv. Mana-mana peserta yang melanggar syarat-syarat pertandingan yang dinyatakan boleh dibatalkan penyertaan.

7. PAKAIAN PESERTA

- i. Peserta lelaki hendaklah memakai pakaian kebangsaan yang lengkap bersamping, bersongkok dan berkasut.
- ii. Peserta perempuan hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat dengan berbaju kurung, bertudung sempurna dan hiasan yang tidak keterlaluan.
- iii. Semua peserta tidak dibenarkan memakai tanda pengenalan sekolah/zon/daerah/negeri. Hanya ada nombor giliran sahaja pada pakaian peserta.

8. PENGHAKIMAN

- i. Bahagian Isi : 40 markah
- ii. Bahagian Penyampaian : 40 markah
- iii. Bahagian Bahasa : 20 markah

9. HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

NAIB JOHAN

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

KETIGA

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

3 HADIAH SAGU HATI

10. LAIN-LAIN KETERANGAN

- i. Sebarang kemalangan dan/atau kecederaan ke atas peserta semasa pertandingan ini berlangsung adalah di atas tanggungjawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak pengajur.
- ii. Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak pengajur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- iii. Keputusan hakim pertandingan adalah muktamad, sebarang bantahan tidak akan dilayan oleh pihak pengajur pertandingan.
- iv. **Borang Pendaftaran dan Borang Pengesahan Bayaran Yuran (beserta slip transaksi dari bank)** yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada **Penyelaras pertandingan** seperti maklumat di bawah selewat-lewatnya pada atau sebelum **27 JUN 2025 (JUMAAT)**.
- v. Sebarang makluman atau pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Penyelaras Pertandingan Syarahan Agama:
 - Dr. Karmilah Abdullah
(+6014-8678032) / karmilah.abdullah@upm.edu.my